

Lawatan PM ke Jepun berjaya

Institut automotif yang akan dibangunkan oleh Jepun menawarkan latihan lanjutan kepada pekerja Malaysia bagi meningkatkan lagi kualiti produk automatif

UM - 27/05/2006

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

bilateral pada hari ketiga lawatannya, Abdullah turut berkesempatan menemui Koizumi pada majlis makan malam Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-12 semalam.


Dalam lawatannya kali ini, Abdullah yang memberikan ucap-tama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-12 turut menghadap Maharaja Akihito dan menemui sektor swasta serta mendengar taklimat mengenai minyak bio.

Hari ini, beliau menandatangani memorandum persefahaman (MoU) penubuhan Pusat Penyelidikan dan Latihan Antarabangsa Kesihatan Global (UNU-IIGH) selepas menyampaikan ucapan mengenai Islam Hadhari pada siri syarahan U Thant ke-12 di United Nations University (UNU).

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, penubuhan institut automotif juga sejajar dengan strategi negara untuk mengembangkan lagi industri komponen oleh pengusaha kecil dan sederhana bagi keperluan tempatan dan luar negara.

"Saya mahu program ini didahulukan kerana ia tentulah mengambil masa nak dirikan institut tetapi kalau sudah ada bangunan, cepat sikit," katanya sambil menjelaskan lokasinya akan ditentukan oleh jabatan berkaitan sama ada tempat baru atau menggunakan institusi latihan perindustrian sedia ada.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga telah meyakinkan komitmen Malaysia terutama kepada pihak swasta Jepun



ABDULLAH Ahmad Badawi menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan United Nations University yang diwakili oleh Prof. Hans van Ginkel di Tokyo, semalam.

untuk meneruskan industri lain yang telah menunjukkan kejayaan.

Ditanya ucapannya pada Persidangan Antarabangsa Nikkei yang menyentuh hubungan dingin Jepun dengan China dan Korea yang disifatkan berani dan terbuka, menurutnya, ia merupakan masalah lama.

Katanya, perkara itu disentuh dalam ucapannya berikutan hubungan antara ketiga-tiga negara itu penting kerana

negara berkenaan mempunyai kaitan dalam ASEAN, ASEAN + 3, Forum Serantau ASEAN (ARF) dan Persidangan Kemuncak Asia Timur.

"Dalam konteks kerjasama multilateral saya harap masalah yang dihadapi secara bilateral antara Jepun, China dan Korea tidak ada menimbulkan sebarang gangguan kepada kestabilan rantau ini," ujarnya.

- Utusan